

Usah ganggu kemajuan negara: PM

① trip oversea
Daripada Ahmad Tajudin Baharudin

B.H 16 OCT 1992

HONG KONG. Khamis — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu negara maju mengganggu Malaysia dengan mengenakan pelbagai syarat yang boleh menjejaskan pembangunan negara.

"Jangan ganggu kami. Riarlah kami memhangun dahulu. Apabila kami setanding di segi pembangunan dengan negara maju, barulah syarat itu boleh dikenakan," katanya.

Beliau berkata demikian di sesi soal jawab dengan ketua eksekutif perbadanan antarabangsa di Forum Ekonomi Eropah/Asia Timur di sini.

Dr Mahathir berkata, negara maju mengenakan pelbagai sekatan terhadap Malaysia berhubung isu seperti hak asasi manusia, amalan demokrasi dan masalah kesatuan sekerja.

Reliau berkata, tinda-

kan kesatuan sekerja Barat menghasut supaya pekerja Malaysia menuntut gaji lebih hertujuan mengurangkan kemampuan negara untuk bersaing.

"Kita tidak mempunyai sesuatu yang lain yang boleh memberi kita kemampuan bersaing," katanya.

"Matlamatnya ialah untuk membolehkan mereka mendapatkan semula pekerjaan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, aset negara hanyalah kos buruh yang rendah.

"Kita tidak mempunyai teknologi, modal dan pengetahuan pengurusan. Tanpa kelebihan di segi buruh, kami akan gagal," katanya.

Sementara itu, ketika herucap kepada wartawan Malaysia di satu sidang akhbar, hari ini, Dr Mahathir berkata, ketika Amerika dan Eropah sedang membangun tidak sesiapa pun mengganggu

mereka.

"Jika dikaji masalah hak asasi manusia dan demokrasi, Amerika dan Eropah juga tidak demokrasi. Pertumbuhan ekonomi Amerika berasaskan penggunaan hamba dari Afrika tetapi tidak sesiapa menegur mereka.

"Amerika juga mengadakan diskriminasi terhadap kulit hitam dan pendatang lain. Ini tidak demokratik. Rekod hak asasi mereka juga buruk," katanya.

"Sebaliknya, jika Malaysia melakukan sesuatu yang tidak memenuhi syarat, mereka akan mengganggu kita," katanya.

"Mereka kata berhak memeriksa tingkah laku kita dan jika tidak menepati kehendak yang ditetapkan, mereka akan menggunakan sekatan dagangan untuk mengganggu pertumbuhan negara," katanya.